

NO SOALAN :97**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 07.08.2017**

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan angka terperinci mengenai sumbangan Sarawak terhadap Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Persekutuan melalui cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan persendirian, cukai barangan dan perkhidmatan (GST), tarif import dan eksport, dan seterusnya dalam tahun 2015 dan dalam 6 bulan pertama tahun 2016. Apakah peratusan sumbangan Sarawak ini berbanding dengan keseluruhan penerimaan Kumpulan Wang Disatukan pada tempoh yang sama.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil cukai yang dipungut di negeri Sarawak bagi tahun 2015 dan 2016 adalah

berjumlah RM14.8 billion atau 4.4% daripada jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM334.8 bilion bagi tempoh tersebut. Daripada jumlah RM14.8 bilion tersebut, sebanyak RM9.5 bilion adalah daripada kutipan cukai langsung (2.8% daripada jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan) manakala kutipan cukai tidak langsung adalah sebanyak RM5.3 bilion (1.6%). Manakala bagi kutipan hasil cukai di Sarawak bagi tahun 2017 sehingga Jun adalah sebanyak RM4.5 bilion iaitu 5.8% daripada jumlah hasil cukai yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan.

2. Daripada jumlah kutipan cukai di Sarawak, hasil cukai pendapatan syarikat kekal sebagai penyumbang terbesar iaitu RM5.8 bilion atau 1.7% daripada jumlah keseluruhan hasil cukai dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 dan 2016, diikuti dengan cukai pendapatan individu sebanyak RM3.1 bilion (0.9%), cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak RM4.2 bilion (1.3%), duti eksport sebanyak RM0.5 bilion (0.1%), dan duti import sebanyak RM0.2 juta (0.06%).

3. Walau bagaimanapun, kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung tersebut tidak menggambarkan hasil sebenar yang dikutip di sesebuah negeri kerana pembayaran cukai bagi aktiviti di

sesebuah negeri boleh dilaksanakan di luar dari negeri berkenaan. Contohnya, terdapat syarikat yang membayar cukai di LHDN Kuala Lumpur kerana mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur sedangkan aktiviti sebenar syarikat adalah di negeri lain.